

Pelajar IPTA berkongsi maklumat menerusi Program Ramah Mesra

UB 08.11.2012 AG

KOTAKINABALU: Ia diadakan bagi membuka peluang kepada pelajar institut pengajian tinggi awam (IPTA) di negeri ini berkongsi pandangan dan maklumat khususnya dalam aspek kepimpinan mahasiswa.

Justeru, Program Ramah Mesra anjuran Kementerian Pengajian Tinggi yang diadakan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada Ahad lepas dianggap mampu mencapai objektif berkenaan.

Disertai oleh seramai 65 orang mahasiswa daripada UMS, Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Politeknik Kota Kinabalu (PKK), program berkenaan turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha KPT, Datuk Abdul Rahim Md Noor.

Kebanyakan pelajar yang terlibat adalah daripada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2012/2013 dan mantan MPP IPTA.

Selain berkongsi pendapat dan maklumat, ia juga bertujuan memotivasikan diri dalam transformasi membentuk pemimpin yang hebat pada masa akan datang.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS, Prof Madya Datuk Dr Kasim Md Mansur serta para pegawai jemputan daripada kementerian dan IPTA yang terlibat.



SALING bertukar pandangan dan berkongsi maklumat menjadi objektif penganjuran program berkenaan.



PARA pelajar yang terlibat berkesempatan beramah mesra bersama Abdul Rahim.



SEMUA mahasiswa yang mewakili IPTA masing-masing bergambar kenangan bersama pihak penganjur.